

9.8 peratus kes koop terbiar tidak serius

SERI KEMBANGAN: Sebanyak 9.8 peratus daripada kira-kira 4,700 koperasi di negara ini didapati terbiar atau tidak bergerak tetapi angka itu tidak membimbangkan, kata Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Beliau berkata, kebanyakan koperasi itu terbiar selepas mencapai matlamat masing-masing.

"Ada yang tidak lagi relevan dengan keadaan semasa seperti koperasi di kampung yang mungkin ditubuhkan bagi mencapai maksud tertentu.

"Ada yang wujud hanya untuk memberi pinjaman seperti 'main kutu' atau untuk kerja kebajikan, bila sudah mencapai matlamat itu, ia tidak lagi bergerak," katanya pada sidang media selepas pelancaran Hari Koperasi Negara 2006 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini, semalam.

Mohamed Khaled berkata, tumpuan kementerian sekarang bukan terhadap koperasi yang menumpukan kepada soal kecil sebaliknya kepada yang berdaya maju tetapi sukar bergerak.

Katanya, Jabatan Pembangunan Koperasi mempunyai pelbagai program membantu menggerakkan koperasi seperti itu.

Beliau juga bersetuju dengan saranan Perdana Menteri supaya kegiatan koperasi dijadikan kegiatan kokurikulum di sekolah kerana ia akan dapat menanam nilai keusahawanan di kalangan pelajar.

Ketika berucap, Mohamed Khaled berkata, kementerian itu menasarkan mewujudkan 800 koperasi baru dan memantapkan 600 koperasi sedia ada pada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Katanya, semua koperasi juga perlu menggembleng sumber koperasi secara tersusun supaya dapat melaksanakan kegiatan ekonomi mantap dan berkesan untuk ahli dan negara.